



Ruj. Kami : JKNS/KA/V/600-5/2/1-1 (3)
Tarikh : 18 September 2024

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN MALARIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 1/2024

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman semua pihak, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor komited untuk mensasarkan sifar kematian Malaria serta menyokong usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menjayakan Program Eliminasi Malaria iaitu bebas Malaria Manusia jangkitan tempatan (*Indigenous*) termasuk mengawal kes Malaria Zoonotik.

3. **Mesyuarat Semakan Kematian Malaria Peringkat Negeri Selangor Bil 1/2024** yang telah diadakan pada 26 Ogos 2024 bagi membincangkan penambahbaikan yang perlu dilakukan di semua peringkat iaitu di Pejabat Kesihatan Daerah dan semua fasiliti kesihatan. Berikut adalah *key points* hasil mesyuarat tersebut sebagai perkara yang perlu diberi perhatian dan tindaksusul oleh semua PTJ di Negeri Selangor:

3.1 Latihan dan Pengurusan Kes Malaria

Latihan atau *Continuous Medical Education* (CME) untuk Pengamal Perubatan perlu dilaksanakan dari masa ke semasa di peringkat dalaman untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan pengamal agar peka dengan kehadiran kes/individu berisiko dan disyaki dijangkiti malaria untuk membuat ujian/ diagnosis/ rujukan. Semua Pengamal Perubatan seharusnya mampu mengenalpasti individu berisiko, mendapatkan sejarah perjalanan dengan teliti atau aktiviti berisiko seperti ke hutan/ kawasan/ negara endemik/ wabak dan seterusnya membuat ujian *Blood Film Malaria Parasite* (BFMP) sebagai *Gold Standard* dalam ujian diagnostic penyakit malaria.

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS), Negeri
Bahagian Perubatan, Negeri
Ketua Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, JKNS
Pengarah Hospital Negeri
Pegawai Kesihatan Daerah

KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN MALARIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 1/2024

3.2 Mendapatkan Maklumat Sejarah Aktiviti Berisiko Dengan Jelas

Pengamal Perubatan dicadangkan untuk bertanya soalan tertutup (*close ended question*) kepada kes atau keluarga berkaitan sejarah aktiviti berisiko seperti aktiviti hutan atau perjalanan ke tempat berisiko.

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS), Negeri
Bahagian Perubatan, Negeri
Ketua Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, JKNS
Pengarah Hospital Negeri
Pegawai Kesihatan Daerah

3.3 Turn Around Time 2 jam Bagi Pembacaan dan Keputusan BFMP serta Pengamal Perubatan Perlu Menjejaki Keputusan Ujian Darah

Jika kes disyaki mendapat jangkitan malaria, Pengamal Perubatan yang memeriksa kes hendaklah memastikan ujian BFMP yang dipesan tersebut dibuat dan dihantar ke makmal, termasuk lain-lain ujian darah (jika ada). Pengamal Perubatan seharusnya menjelaki semula keputusan ujian BFMP dalam tempoh 2 jam untuk mengesahkan diagnosis kemudian memulakan rawatan dengan segera. Slaid BFMP perlu dibaca oleh Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP)/*Medical Laboratory Technologist* (MLT) dalam tempoh 2 jam dan disampaikan keputusan dalam tempoh tersebut dengan segera kepada Pengamal Perubatan yang meminta ujian. Ia selaras dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Program Malaria, agar rawatan malaria dapat diberikan dengan segera bagi mendapat prognosis yang baik dan mencegah mortaliti. Perkhidmatan ujian BFMP perlu ada di dalam fasiliti masing-masing agar Pengamal Perubatan mendapat keputusan untuk membuat diagnosis. Jika berlaku ketidakpastian atau disyaki terdapat kehadiran parasit dalam BFMP atau ujian darah lain seperti *Full Blood Picture* (FBP), MLT boleh memaklumkan kepada Pengamal Perubatan untuk mempertimbangkan diagnosis sementara penyakit Malaria bagi memulakan rawatan.

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS), Negeri
Bahagian Perubatan, Negeri
Ketua Perkhidmatan Juruteknologi Makmal Perubatan, Negeri
Pengarah Hospital Negeri
Pegawai Kesihatan Daerah

3.4 Rujukan kes ke Unit Rawatan Rapi (ICU) dan Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit

Pengamal Perubatan di hospital hendaklah menilai keadaan pesakit dengan teliti bagi memastikan keperluan merujuk kes ke ICU. Pesakit yang dalam keadaan kritikal dan tidak stabil seharusnya dirujuk ke ICU

KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN MALARIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 1/2024

dengan segera bagi mendapatkan rawatan dan pemantauan yang rapi. Rujukan kes kepada Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit perlu dibuat untuk pemeriksaan pakar atau untuk diagnosis malaria bagi memastikan rawatan mematuhi protokol dan komprehensif.

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS), Negeri
Bahagian Perubatan, Negeri
Ketua Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, JKNS
Pengarah Hospital Negeri
Pegawai Kesihatan Daerah

3.5 Menggunakan Perkhidmatan Ambulan Bagi Rujukan Dari Fasiliti Kesihatan Primer atau Swasta

Pengamal Perubatan yang merawat kes dinasihatkan memberi perkhidmatan yang sewajarnya dengan menggunakan perkhidmatan ambulan untuk merujuk kes dari klinik ke hospital bagi kes-kes yang tidak stabil atau kritikal atau yang memerlukan pemantauan yang rapi. Ini kerana kaedah memberi pilihan kepada pesakit yang kritikal untuk pergi sendiri atau bantuan keluarga ke hospital, akan membuka peluang kepada pesakit atau keluarga untuk tidak tampil ke hospital atau melengahkan perjalanan ke hospital sehingga keadaan pesakit semakin kritikal dan akhirnya menyebabkan prognosis yang buruk.

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS), Negeri
Bahagian Perubatan, Negeri
Ketua Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, JKNS
Pengarah Hospital Negeri
Pegawai Kesihatan Daerah

3.6 Ujian BFMP Bagi Kes *Thrombocytopenia* atau Dengan *Dengue Combo Test Kit (DCTK)* Negatif

Pengamal Perubatan seharusnya membuat ujian BFMP jika mendapati kes *thrombocytopenia* atau apabila mendapati kes DCTK negatif termasuk kes berisiko yang disyaki jangkitan malaria. Manakala Pengamal Perubatan di peringkat fasiliti klinik swasta yang mengesyaki kes berisiko dijangkiti malaria disarankan untuk merujuk kes ke hospital berhampiran untuk ujian BFMP jika tiada perkhidmatan dalaman. Kes seperti demam dengan *thrombocytopenia* yang tidak dapat disahkan sebagai demam denggi juga perlu dibuat ujian lain seperti BFMP, Serologi Leptospirosis, *Blood Culture*, dan/atau lain-lain yang perlu untuk *Differential Diagnosis* dan bagi mendapatkan diagnosis yang tepat.

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS), Negeri
Bahagian Perubatan, Negeri
Ketua Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, JKNS
Pengarah Hospital Negeri
Pegawai Kesihatan Daerah

**KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN MALARIA PERINGKAT
NEGERI SELANGOR BIL 1/2024**

4. Sehubungan dengan itu, dimohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan dapat menyampaikan maklumat ini kepada pegawai dan anggota kesihatan di bawah seliaan agar perkhidmatan yang diberikan adalah komprehensif dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. UMMI KAITHOM BINTI SHAMSUDIN, P.C.M)

(NSR: 134830) (MMC:31233)

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

s.k:

Pengarah Kesihatan Negeri

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Ketua Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, JKNS

Ketua Unit Kesihatan Primer, JKNS

Ketua Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, JKNS

Ketua Kepakaran

Pakar Perubatan Keluarga (FMS) Negeri Selangor

Ketua Kepakaran

Perubatan Negeri Selangor

Ketua Kepakaran

Perubatan Kecemasan Negeri Selangor

Ketua Kepakaran

Perubatan Anestesiologi Negeri Selangor

**KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN MALARIA PERINGKAT
NEGERI SELANGOR BIL 1/2024**

SENARAI EDARAN

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Petaling

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Klang

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

Pengarah Hospital, Hospital Selayang

Pengarah Hospital, Hospital Serdang

Pengarah Hospital, Hospital Cyberjaya

Pengarah Hospital, Hospital Sg. Buloh

Pengarah Hospital, Hospital Ampang

Pengarah Hospital, Hospital Kajang

Pengarah Hospital, Hospital Banting

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam

Pengarah Hospital, Hospital Kuala Kubu Bharu

Pengarah Hospital, Hospital Tanjong Karang

Pengarah Hospital, Hospital Shah Alam

**KEY POINTS HASIL MESYUARAT SEMAKAN KEMATIAN MALARIA PERINGKAT
NEGERI SELANGOR BIL 1/2024**

Pengarah Hospital, Hospital Orang Asli Gombak

Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya

Malaysia Medical Association
4th Floor, Bangunan MMA 124 Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

Association of Private Hospitals of Malaysia
A-17-01, Menara UOA Bangsar
No 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

The Private Medical Practitioner's Association Of Selangor and Kuala Lumpur
Unit 1.6, Level 1, Enterprise 3B
Technology Park Malaysia (TPM)
Jalan Innovasi 1
Lebuhraya Puchong- Sungai Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur

Pengurus
Polyclinic & Surgery Siva
No. 29 SS3/29 Taman Universiti,
47300 Petaling Jaya, Selangor